

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO  
[KLANG]**

**TARIKH : 03 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [ KLANG ]** minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kerajaan bersetuju dan menerima terma-terma ISDS dalam CPTPP. Adakah analisa kos-manfaat (*cost-benefit*) MITI mengambil kira pelaksanaan SOP Covid-19/ ‘lockdown’ yang menyebabkan Kerajaan terdedah kepada risiko dituntut pampasan oleh pelabur asing seperti yang berlaku terhadap Kerajaan Chile.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (*Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership-CPTPP*) yang telah ditandatangani pada 8 Mac 2018 bersama 11 buah negara anggota iaitu Australia, Brunei Darussalam, Kanada, Chile, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Peru, Singapura dan Viet Nam mengandungi 30 bab yang merangkumi isu-isu perdagangan semasa, antaranya, seperti akses pasaran perdagangan barang dan perkhidmatan, harta intelek, telekomunikasi, alam sekitar dan dasar persaingan. Bab Sembilan (9) iaitu Bab Pelaburan menetapkan peruntukan bertaraf tinggi (*high-standard provisions*) berkaitan pelaburan di mana bab ini antara lain mengandungi obligasi dalam hal-hal berhubung pemberian layanan sama rata (*national treatment*), layanan *most-favored nation* (MFN), pengambilalihan (*expropriation*) dan pampasan (*compensation*), larangan ke atas keperluan prestasi pelaburan (*prohibition of performance requirements*), pindah milik (*transfers*) dan Penyelesaian Pertikaian antara Negara-Pelabur (*Investor-State Dispute Settlement - ISDS*).

2. Merujuk kepada ISDS, peruntukan ini sedikit sebanyak telah menimbulkan kegusaran sesetengah pihak kerana mekanisme ini membolehkan pelabur mengemukakan tuntutan undang-undang terhadap negara tuan rumah (*host state*). Dalam erti kata lain, pelabur asing mempunyai hak untuk menuntut pampasan sekiranya mereka merasakan bahawa tindakan Kerajaan telah memberi kesan yang tidak adil terhadap pelaburan mereka di negara tersebut di mana mekanisme ISDS di bawah CPTPP memberi ruang kepada para pelabur untuk membawa Kerajaan ke timbang tara antarabangsa sekiranya berlaku pertikaian. Di masa yang sama, ini juga bermaksud, syarikat-syarikat Malaysia termasuk syarikat berkaitan Kerajaan (*Government-linked Companies - GLC*) yang melabur di negara anggota CPTPP juga boleh menggunakan peruntukan ISDS bagi mempertahankan pelaburan mereka sekiranya terdapat sebarang pelanggaran kontrak atau obligasi oleh negara tuan rumah.

## **SOALAN NO : 24**

3. Ingin saya tegaskan, di bawah CPTPP, Bab Pelaburan telah dirundingkan dengan teliti dan mengambilkira pandangan semua pihak. Dalam hal ini, Kerajaan mempunyai hak yang jelas dalam menentukan dasar untuk menetapkan tindakan pengawalseliaan yang tidak bersifat diskriminasi (*non-discriminatory regulatory action*) dalam memelihara kebijakan awam seperti isu kesihatan, alam sekitar dan keselamatan. Selain itu, terdapat beberapa penambahbaikan yang terdapat di dalam mekanisme ISDS di bawah Perjanjian CPTPP bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan para pelabur, yang tidak terdapat di dalam perjanjian-perjanjian terdahulu seperti:

- mewajibkan proses konsultasi dan rundingan di antara pelabur dengan Kerajaan dijalankan selama enam (6) bulan sebelum pelabur boleh membawa kes untuk timbang tara di peringkat antarabangsa;
- tuntutan tidak boleh difaiklan sekiranya telah melepassi tempoh tiga tahun enam bulan dari bermulanya sesuatu pertikaian;
- proses perbicaraan timbang tara dilakukan secara terbuka; dan
- Suruhanjaya CPTPP yang dianggotai oleh 11 buah negara anggota CPTPP (termasuk Malaysia) diberi kuasa untuk membuat tafsiran terhadap terma-terma Perjanjian CPTPP. Tafsiran oleh Suruhanjaya CPTPP akan mengikat tribunal timbang tara dan sebarang keputusan oleh tribunal mestilah selaras dengan tafsiran tersebut.

4. Selanjutnya, Langkah-Langkah Ketidakpatuhan (*Non-Conforming Measures – NCM*) yang dibenarkan di bawah Bab Pelaburan CPTPP juga membolehkan sesebuah negara anggota untuk mengecualikan sektor-sektor yang sensitif dan strategik daripada terikat kepada peruntukan-peruntukan dalam bab ini. Antara pengecualian dan kelonggaran yang telah diperolehi Malaysia termasuklah:

- Dasar-dasar berkaitan Hak Bumiputera;
- Urusan-urusan pentadbiran berkaitan tanah;

## **SOALAN NO : 24**

- Fungsi PETRONAS di bawah Akta Pembangunan Petroleum 1974;
- Penswastaan dan Pelupusan Syarikat Milikan Kerajaan (*State Owned Enterprises – SOEs*), dan
- Perkara-perkara yang melibatkan budaya di Malaysia.

Tuan Yang Dipertua,

5. Pada ketika ini, MITI sedang melaksanakan Kajian Analisis Kos-Faedah (*Cost-Benefit Analysis - CBA*) berkaitan penyertaan Malaysia dalam Perjanjian CPTPP yang dijangka akan selesai pada hujung tahun ini. CBA ini turut mengambil kira langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menangani pandemik COVID-19 seperti perintah kawalan pergerakan dan penetapan prosedur operasi standard (*standard operating procedure - SOP*), dan mendapati bahawa ia tidak akan mendedahkan Kerajaan kepada risiko tindakan ISDS. Ini adalah disebabkan Perjanjian CPTPP memberikan kelonggaran (*flexibility*) dan ruang dasar (*policy space*) kepada Kerajaan untuk membuat polisi dan mengawal selia bagi tujuan memelihara kebijakan dan kepentingan awam seperti yang melibatkan kesihatan, alam sekitar dan keselamatan.

6. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, sejak tahun 1959, Malaysia telah menandatangani sebanyak 66 Perjanjian Jaminan Pelaburan (*Investment Guarantee Agreement – IGA*) yang mengandungi mekanisme ISDS. Ini bermakna, mekanisme ISDS telah terpakai ke atas Malaysia dan negara-negara yang menandatangani perjanjian-perjanjian dua hala tersebut. Ingin saya kongsikan, sepanjang tempoh tersebut, Malaysia hanya pernah dibawa ke prosiding ISDS sebanyak tiga (3) kali sahaja. Daripada jumlah tersebut, dua (2) kes penghakiman telah berpihak kepada Kerajaan Malaysia manakala satu (1) lagi kes telah berjaya diselesaikan di luar tribunal. Ini jelas menunjukkan bahawa Malaysia bukanlah sebuah negara yang terdedah kepada ancaman untuk disaman pihak pelabur memandangkan Malaysia mempunyai ekosistem pelaburan yang kondusif, dan mesra pelabur, yang antara lain sentiasa memastikan segala permasalahan yang dihadapi oleh pelabur dapat ditangani secara berhemah.

7. Merujuk kepada tuntutan pampasan oleh pelabur asing seperti yang berlaku kepada Kerajaan Chile, situasi ini timbul apabila konsortium dari negara Perancis telah menyaman dan menuntut pampasan sebanyak USD 37 juta berikutan tindakan yang diambil oleh Kerajaan Chile bagi menangani pandemik COVID-19. Di dalam hal ini, amat penting untuk difahami bahawa, Kerajaan mempunyai hak untuk mengambil tindakan pengawalseliaan undang-undang berlandaskan objektif untuk melindungi kepentingan orang ramai. Oleh yang demikian, Kerajaan Chile boleh menyangkal tuntutan pelabur tersebut dengan mengemukakan pembuktian yang kukuh bahawa tindakan tersebut adalah perlu demi menjaga kesihatan awam, yang bukan sahaja dilakukan oleh Kerajaan Chile, malahan juga, oleh kesemua negara di dunia.

8. Kesimpulannya, Bab Pelaburan di bawah CPTPP, khususnya mekanisme ISDS, tidak menyekat kuasa dan hak Kerajaan dalam melaksanakan peraturan dan undang-undang bagi tujuan kepentingan negara dan rakyat. Dalam erti kata lain, tindakan perintah kawalan pergerakan dan penetapan prosedur operasi standard (SOP) bagi menangani pandemik COVID-19 merupakan tindakan yang tidak bercanggah dengan obligasi negara di bawah Perjanjian CPTPP.

Tuan Yang Dipertua,

9. Kesediaan Malaysia untuk menyertai dan melaksanakan perjanjian perdagangan bebas yang berstandard tinggi seperti CPTPP adalah selari dengan usaha-usaha yang digariskan dalam Aspirasi Pelaburan Nasional, khususnya untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi yang akan merangsang daya saing negara serta mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang berkualiti. Malahan, mekanisme ISDS adalah perlu untuk memberi perlindungan kepada pelabur dan syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai pelaburan dan beroperasi di luar negara.

Sekian, terima kasih.